

PERKHIDMATAN AWAM BERINTEGRITI DAN BERINOVASI PEMANGKIN PEMBANGUNAN NEGARA

- ◆ Warga Perkhidmatan Awam sebagai Pemangkin Pembangunan Negara hendaklah bersikap dinamik dan berfikiran jangka Panjang (*long-term thinking*); dan berupaya menyelaraskan dasar-dasar dan strategi-strategi Kerajaan dalam menangani cabaran-cabaran global di samping memanfaatkan sepenuhnya revolusi pendekatan dan kaedah penambahbaikan terkini.
- ◆ Nilai-nilai dalam Rukun Akhlak Etika Kerja Perkhidmatan Awam hendaklah sentiasa diperkukuhkan dan dipelihara bagi menjamin keberkesanan urustadbir di setiap peringkat organisasi serta limpahan positif kepada pelanggan luaran dan dalaman melalui kecemerlangan perkhidmatan yang disediakan.